

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.  
NASIR [JOHOR BAHRU]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 [ISNIN]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan: -

- (a) tarikh mula bina, status progres, unjuran terkini tarikh siap dibina dan penyerahan kunci bagi projek-projek rumah PR1MA; dan
- (b) langkah-langkah bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh pembeli.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 25 Ogos 2021, terdapat sebanyak 62 projek PR1MA di seluruh Malaysia yang melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak 52,763 unit rumah. Daripada jumlah ini, sebanyak 31 projek yang merangkumi 23,382 unit rumah telah siap dibina di mana sebanyak 13,814 unit rumah telah pun diserahkan kunci kepada pembeli. Bagi 31 projek ini, pembinaan projek telah bermula pada tahun 2013 dan telah siap pembinaannya secara berperingkat seawal tahun 2015.

Selain itu, sebanyak 29 projek yang merangkumi 21,961 unit rumah sedang dalam pembinaan di mana kesemua projek ini dijangka siap secara berperingkat sehingga tahun 2024, bergantung kepada tempoh pembinaan seperti yang telah dipersetujui di dalam kontrak. Sebanyak 2 projek baharu yang keseluruhannya melibatkan 10 fasa projek dengan jumlah 7,420 unit rumah, kini sedang dalam perancangan dan dijangka bermula pembinaannya pada tahun 2022. Perincian pelaksanaan projek PR1MA dilampirkan untuk makluman lanjut.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah memperkenalkan pakej bantuan bayaran balik pinjaman PEMULIH untuk pelanggan individu yang mempunyai pinjaman harta tanah. Pelanggan layak untuk mendapatkan pakej bantuan bayaran balik pinjaman di bawah PEMULIH, jika pinjaman tersebut telah diluluskan pada atau sebelum 30 Jun 2021 dan tidak mempunyai bayaran ansuran tertunggak melebihi 90 hari (atau pinjaman tidak berbayar). Pakej ini termasuk kelulusan moratorium selama 6 bulan secara automatik selepas peminjam mengemukakan permohonan. Bantuan bayaran balik pinjaman yang diterima oleh peminjam tidak akan menjejaskan rekod CCRIS mereka.

Peminjam dikehendaki menghubungi dan berbincang dengan bank masing-masing terlebih dahulu untuk memahami implikasi kos dan perubahan terhadap syarat-syarat pinjaman mereka yang mungkin berlaku. Peminjam juga perlu berbincang mengenai pilihan bayaran balik pinjaman yang bersesuaian dengan keperluan dan keadaan kewangan mereka, memandangkan bantuan moratorium selama 6 bulan ini bukanlah satu-satunya penyelesaian bagi semua keadaan. Dalam hal ini, pihak bank sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat nasihat kepada peminjam.

Bagi peminjam yang menghadapi kekangan kewangan yang lebih teruk atau mempunyai pinjaman daripada beberapa bank, mereka boleh menghubungi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mendapatkan khidmat nasihat. Perkhidmatan yang

ditawarkan oleh AKPK termasuk bantuan khidmat nasihat dan pelan bayaran balik pinjaman melalui Program Pengurusan Hutang, yang akan terus tersedia secara percuma bagi peminjam yang menghadapi masalah kewangan. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) termasuk perusahaan mikro yang terjejas juga boleh memohon bantuan melalui saluran khas *SME Help Desk* AKPK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, antara inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pula dalam membantu meringankan bebanan penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) yang terkesan dengan pandemik COVID-19 ialah melalui inisiatif penangguhan pembayaran sewa **selama 21 bulan (Mac 2020 – Disember 2021)** bagi PPR Sewa Untuk Dimiliki (RTO) di bawah pengurusan KPKT yang melibatkan 10 projek PPR (4,650 unit) seperti berikut:-

**SENARAI PROJEK PPR TERLIBAT:**

1	PPR Sentul Murni (500 unit)
2	PPR Lembah Subang 2 (842 unit)
3	PPR Kampung Hassan (176 unit)
4	PPR Ladang Siliau, Port Dickson (113 unit)
5	PPR Tok Suboh (231 unit)
6	PPR Amanjaya (208 unit)
7	PPR Kota Setar (500 unit)
8	PPR Sinar Intan 3 (80 unit)
9	PPR Gua Musang (1000 unit)
10	PPR Kota Bharu (1000 unit)

## **NO. SOALAN : 20**

Seterusnya, bagi membantu bakal pembeli rumah golongan M40 mengurangkan bebanan yang ditanggung, kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) sehingga 31 Disember 2021. Kempen ini bertujuan untuk merancakkan pemilikan rumah melalui pemberian diskaun 10% oleh pemaju yang berdaftar dengan Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia (REHDA) dan pengecualian duti setem bagi pembelian rumah bernilai RM300,000 hingga RM2.5 juta.

Kementerian ini juga akan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan bagi merancang kaedah atau insentif pemilikan rumah yang sesuai untuk golongan pembeli yang terkesan.

Sekian, terima kasih.